



**TALKING POINTS**  
**YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**  
**SEMPENA**

**PENYERAHAN INSENTIF KEMENANGAN ATLET WILAYAH PERSEKUTUAN  
PADA SUKAN OLIMPIK 2020 TOKYO  
(SOH WOOI YIK - PEMENANG PINGAT GANGSA BADMINTON ACARA  
BEREGU LELAKI)**

**13 SEPTEMBER 2021 | 4 PETANG |  
BILIK MESYUARAT MENARA 1,  
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

1. Majlis ini adalah majlis rasmi yang pertama saya bersama Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) sejak dilantik sebagai Menteri Wilayah Persekutuan. Bidang sukan begitu dekat dengan saya apabila sebelum ini menerajui beberapa persatuan sukan kebangsaan. Saya harap pengalaman saya ini dapat membantu MSWP dalam pembangunan sukan di Wilayah Persekutuan.
2. Penyampaian insentif hari ini diadakan secara sederhana namun penuh bermakna untuk kita sama-sama meraikan dan mengiktiraf usaha gigih pemain badminton, Soh Wooi Yik yang bergandingan dengan Aaron Chia dalam acara berpasangan lelaki bagi menghadiahkan pingat gangsa buat Malaysia pada Sukan Olimpik 2020 Tokyo.
3. Bakat Wooi Yik yang kini berumur 23 tahun digilap sejak di bangku sekolah lagi di Wilayah Persekutuan sehingga seluruh dunia menyaksikan kejayaan Wooi Yik memenangi pingat gangsa pada temasya Olimpik baru-baru ini.
4. Biarpun tampil pada Sukan Olimpik buat kali pertama, prestasi cemerlang Wooi Yik-Aaron untuk mengejutkan pemain pilihan utama pada temasya itu adalah sesuatu yang membanggakan dalam mengharumkan nama negara.
5. Kejayaan Wooi Yik tidak dibina dalam sehari, bakat Wooi Yik dalam sukan badminton mula digilap sejak awal lagi ketika pemain kelahiran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur itu berumur 9 tahun (tahun 2007) dan sudah pun bermain mewakili negeri.
6. Sejak di peringkat remaja lagi, Wooi Yik sudah pun menempa pelbagai kejayaan di peringkat tempatan dan juga antarabangsa termasuklah pingat perak pada Kejohanan Remaja Dunia BWF 2016 (acara berpasukan), gangsa pada Kejohanan Remaja Asia

2016 (acara beregu lelaki) dan juga 2 emas pada Sukan Sekolah-Sekolah ASEAN 2014 (acara berpasukan dan individu).

7. Semasa di peringkat senior pula, bakat Wooi Yik terus bersinar dengan merekodkan kejayaan di peringkat tempatan dan antarabangsa. Wooi Yik juga mewakili kontinjen Wilayah Persekutuan pada Sukan Malaysia (SUKMA) sebanyak tiga kali dengan penampilan terakhir pada SUKMA 2018 Ipoh. Pencapaian Wooi Yik:
  - SUKMA 2016 di Sarawak memenangi gangsa (acara beregu lelaki)
  - SUKMA 2018 di Ipoh memenangi dua perak (acara beregu lelaki dan beregu campuran)
8. Saya yakin perjalanan kerjaya Wooi Yik masih lagi panjang dengan pastinya beliau mahu membaiki pencapaian pada Olimpik 2024 di Paris bagi mengharumkan nama negara dan kami berharap beliau tidak melupakan kami di Wilayah Persekutuan memandangkan kita semua adalah sebuah Keluarga Malaysia yang akan sentiasa menyokong satu sama lain.
9. Kementerian Wilayah Persekutuan menerusi MSWP sentiasa komited dalam membangunkan sukan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan terutama sekali Wilayah Persekutuan yang sentiasa menjadi antara penyumbang yang besar kepada atlet di peringkat kebangsaan.
10. Ini dibuktikan dengan kejayaan cemerlang Wilayah Persekutuan pada setiap kali penampilan di Sukan Malaysia (SUKMA) apabila Wilayah Persekutuan dianggap kuasa besar dalam temasya itu apabila sentiasa berada di kedudukan tiga terbaik semasa temasya itu dianjurkan.

11. Selain sukan badminton, Wilayah Persekutuan melahirkan ramai atlet yang mampu memberikan saingan di peringkat antarabangsa khususnya dalam sukan akuatik - terjun dan renang, boling, karate serta gimrama.
12. Saya berharap usaha MSWP dalam pembangunan atlet di Wilayah Persekutuan diteruskan dengan lebih ramai lagi ikon sukan akan dilahirkan pada masa akan datang dan saya juga menyokong penuh kejayaan Wooi Yik untuk memenangi pingat emas di Paris 2024. Saya turut mendoakan kejayaan Wooi Yik yang terpilih bersama skuad badminton kebangsaan ke Piala Sudirman di Vantaa, Finland (26 September hingga 3 Oktober) ini diikuti Piala Thomas di Aarhus, Denmark pada (9 hingga 17 Oktober).

Sekian terima kasih.